



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2018
UKUR BAHAN**

KOD : PJU02

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK**

TARIKH : 13 OGOS 2018

MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

a) Huraikan perkara-perkara berikut:

- i) Bayaran pendahuluan
- ii) Bayaran interim

(5 markah)

b) Apakah syarat-syarat dan peraturan bagi bayaran pendahuluan?

(5 markah)

c) i) Nyatakan **empat (4)** dokumen yang perlu disertakan bagi membolehkan bayaran interim pertama dibuat, —

(8 markah)

ii) Nyatakan nilai minimum bagi bayaran-bayaran berikut:

- Bayaran interim pertama
- Bayaran interim seterusnya

(2 markah)

SOALAN 2

a) Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:

- i) Pegawai Penguasa
- ii) Pengarah Projek
- iii) Wakil Pegawai Penguasa Utama
- iv) Wakil Pegawai Penguasa Pakar

(8 markah)

b) Nyatakan **enam (6)** peranan dan tanggungjawab Pegawai Penguasa.

(12 markah)

SOALAN 3

a) Nyatakan bila dan berapakah tempoh masa untuk penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad bagi kontrak-kontrak berikut:

- i) Kontrak Konvensional
- ii) Kontrak Reka dan Bina

(6 markah)

b) Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) adalah salah satu bentuk Bon Pelaksanaan. Huraikan perkara-perkara berikut:

- i) Apakah yang dimaksudkan dengan WJP?
- ii) Berapakah nilai WJP bagi setiap projek?
- iii) Berapakah nilai potongan WJP bagi setiap bayaran interim?

(9 markah)

c) Berikan **dua (2)** keadaan di mana WJP boleh dilepaskan.

(5 markah)

SOALAN 4

- a) Berikan definisi projek sakit.
(4 markah)
- b) Apakah langkah-langkah yang sewajarnya diambil selaras dengan Tatacara Pelantikan Kontraktor Penyiap.
(10 markah)
- c) Berapakah tempoh proses pelantikan kontraktor penyiap bagi perolehan berikut:
- i) Projek Konvensional
 - ii) Projek Reka dan Bina (yang melibatkan pelantikan perunding asal)
 - iii) Projek Reka dan Bina (yang melibatkan pelantikan perunding baharu)
- (6 markah)

SOALAN 5

- a) Berapakah had nilai Anggaran Jabatan yang membenarkan perolehan perkhidmatan kenderaan dan peralatan projek melalui kontrak kerja.
(2 markah)
- b) Senaraikan **empat (4)** tanggungjawab agensi dan perunding ke atas proses perolehan perkhidmatan kenderaan dan peralatan projek melalui kontrak kerja.
(4 markah)
- c) Nyatakan **empat (4)** kriteria dan kelayakan bagi perolehan perkhidmatan kenderaan projek untuk sesuatu kontrak.
(4 markah)

SOALAN 5 (sambungan)

- d) Berapakah bilangan maksimum kenderaan yang dibenarkan diperolehi melalui perolehan perkhidmatan kenderaan projek bagi kontrak kerja berikut:

Bil.	Anggaran Jabatan	Jenis Kenderaan	
		4 WD	Motosikal
		Bilangan Maksimum	Bilangan Maksimum
i.	>RM500 ribu - RM3 juta		
ii.	>RM3 juta - RM5 juta		
iii.	>RM5 juta - RM20 juta		
iv.	>RM20 juta - RM50 juta		
v.	>RM50 juta dan ke atas		

(10 markah)

SOALAN 6

- a) Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK7.13, huraikan secara ringkas **lima (5)** kriteria yang membolehkan permohonan rundingan terus dibuat.
- b) Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK2.1, huraikan secara ringkas syarat-syarat yang membenarkan agensi melaksanakan tender terhad dari segi pemilihan kontraktor bagi perolehan kerja.

(10 markah)

(10 markah)

SOALAN 7

a) Huraikan perkara-perkara berikut:

- i) Sebut Harga
- ii) *Requisition*
- iii) Lantikan Terus

(6 markah)

b) Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK2, huraikan tatacara pelawaan Sebut Harga.

(7 markah)

c) Nyatakan **tujuh (7)** tugas-tugas Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga.

(7 markah)

SOALAN 8

a) Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK2, nyatakan perbezaan di antara Lembaga Perolehan A dan Lembaga Perolehan B.

(5 markah)

b) Di peringkat Kementerian Kerja Raya terdapat **dua (2)** Lembaga Perolehan, iaitu Lembaga Perolehan A dan Lembaga Perolehan B. Nyatakan keahlian kedua-dua Lembaga Perolehan tersebut.

(5 markah)

c) Penilaian tender merupakan satu peringkat yang dikategorikan sebagai sulit dan terdapat syarat-syarat yang mesti dipatuhi semasa penyediaannya. Nyatakan **lima (5)** syarat semasa membuat penilaian tender.

(10 markah)

SOALAN 9

- a) Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 202, berikan definisi Arahan Perubahan Kerja.
(2 markah)
- b) Arahan Perubahan Kerja boleh dikeluarkan berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan. Nyatakan **empat (4)** kriteria tersebut.
(8 markah)
- c) Nyatakan nilai perubahan dan pihak berkuasa melulus bagi Jabatan Teknik merujuk kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 202.
(10 markah)

SOALAN 10

- a) Terangkan **enam (6)** cara untuk mengelakkan kelewatan kemajuan kerja di peringkat pembinaan.
(6 markah)
- b) Senaraikan **empat (4)** perkara yang perlu dikemukakan oleh kontraktor bagi menyokong permohonan lanjutan masa.
(8 markah)
- c) Apakah tindakan yang perlu diambil oleh Pegawai Penguasa semasa menilai tempoh kelambatan sesuatu kontrak?
(6 markah)
